

*Housing - General*

**RENCANA UTAMA**



Kolum Khabar Indonesia ini dibawakan pada setiap hari Jumaat oleh:



WANITA suku Dayak Kalimantan tekun menganyam tikar daripada mengkuang.

*Kosmo  
4/12/2015  
mls 22*

# Rumah Betang simbol harmoni suku Dayak

Penghuni  
Rumah  
Betang  
hidup dalam  
suasana  
harmoni  
dan  
mempunyai  
semangat  
gotong-  
royong yang  
kuat.

**D**IBINA sepanjang 216 meter, Rumah Betang berdiri kukuh di kampung Sui Utik, Desa Batu Lintang, Kalimantan Barat. Ia merupakan salah satu rumah khas kaum Dayak yang tertua di Kalimantan Barat.

Di tempat tinggal suku Dayak Iban itu, seramai 299 warga Sui Utik tinggal di bawah satu bumbung di tengah hutan hujan tropika seluas 9,452 hektar.

Hampir kesemua penghuni yang tinggal di Rumah Betang itu mempunyai hubungan persaudaraan.

Menurut Ketua Kampung Batu Lintang, Raymundus Remang, rumah tersebut dibangunkan secara gotong-royong dan mereka hidup dengan menjunjung prinsip kebersamaan.

“Rumah Betang merupakan simbol penyatuan suku Dayak. Sekiranya Rumah Betang ini tidak wujud lagi, ia bererti semangat penyatuan dan kebersamaan suku Dayak sudah luntur. Hanya beberapa Rumah Betang wujud ketika ini dan banyak yang sudah berkubur kerana perpecahan.

“Semangat penyatuan itulah yang masih mengikat kami semua di rumah ini,” jelasnya.

Remang turut menyebut Rumah Betang sebagai simbol budaya suku Dayak dan ia didirikan dengan kayu yang

berkualiti dari hutan adat.

“Kami tidak mahu keaslian tersebut diubah. Rumah Betang Sui Utik ini masih mempertahankan pembinaannya menggunakan kayu dan ia tidak akan diganti dengan konkrit,” katanya.

Rumah Betang di Sui Utik memiliki 28 buah pintu bilik dan mempunyai ruai yang mempunyai 12 meter dari pintu utama hingga ke bilik.

### Ciri-ciri khas

Ruai merupakan tempat berkumpul penghuni manakala bilik pula adalah tempat tinggal sesebuah keluarga.

Dari teras hingga ke pintu bilik, penghuni dilarang menggantikan bumbung asal dengan atap zink, namun penghuni diberi kebebasan sekiranya mahu menambah ruangan lain seperti bilik tidur, dapur dan bilik mandi.

Lantai yang rendah menjadi ciri-ciri khas Rumah Betang Sui Utik. Tingginya yang hanya tiga meter dari tanah ternyata memiliki kisahnya tersendiri.

Remang bercerita, pada zaman perang, ketika sering berlaku perang antara suku Dayak, suku Dayak Iban memilih untuk tidak turut serta dalam peperangan tersebut.

Kononnya, Rumah Betang pada ketika itu dibangunkan setinggi yang boleh bertujuan menghindari serangan dan mencegah musuh naik ke atas rumah.

Pada waktu itu, suku Dayak berperang menggunakan sumpit beracun (kayu panjang yang hujungnya runcing).

Ketika berperang, selaisela lantai kayu di rumah itu berfungsi sebagai ruang untuk menghembuskan damak sumpit ke arah musuh. Damak beracun itu begitu ditakuti kerana boleh meragut nyawa sekiranya terkena pada badan.

“Kami tidak takut kepada sesiapa pun kerana kami tidak mempunyai musuh. Disebabkan itu, rumah kami tidak perlu dibina tinggi,”

**SEORANG** lelaki daripada suku Dayak menari pada Pesta Gawai Dayak ke-22 di Pontianak.

jelas Remang.

Sejak tahun 1913, suku Dayak Iban tinggal di Sui Utik yang sebelumnya diduduki suku Dayak Embaloh.

Disebabkan terjadi perang saudara antara Embaloh, suku Iban yang pada ketika itu sangat dihormati dan tidak berpihak kepada sesiapa menjadi perantara dan seterusnya mendiami Sui Utik.

Pada tahun 1973, penduduk Sui Utik mendirikan Rumah Betang yang jaraknya hanya beberapa kilometer dari tempat asalnya.

Rumah Betang dibina dari



hilir ke hulu di mana bahagian hilirnya adalah tempat terbenamnya matahari dan sebaliknya.

Pembangunan Rumah Betang dimulakan dengan memacakkan tiang bumbung yang menjadi asas rumah. Tiang daripada kayu ulin itu dipacak dari tanah hingga ke atap rumah tanpa disambung.

Selepas itu, selama lima tahun penduduk akan menyiapkan kayu untuk atap, kayu bekam sebagai lantai dan tiang.

### Ritual adat

Ketua Rumah Betang Sui Utik, Bandi atau Apay Janggut merupakan keturunan pengasas Rumah Betang di Sui Utik.

Lelaki berusia 86 tahun itu menjelaskan, adat di Sui Utik akan menggunakan maksimum 30 batang kayu untuk membina Rumah Betang bagi menjaga kayu-kayu di hutan adat mereka supaya tidak kehabisan.

Ritual adat juga akan dilakukan semasa menyiapkan Rumah Betang.

Selepas memacakkan tiang, para penduduk akan melakukan pelbagai ritual termasuk membuat persembahan kepada nenek moyang dengan menyembelih ayam dan babi.

Seiring dengan bertambahnya jumlah penghuni, Rumah Betang Sui Utik melaksanakan perubahan dengan menambah satu bahagian rumah pada tahun 2010 yang sebelumnya hanya memiliki 27 pintu rumah.

“Penambahan bahagian rumah tersebut harus



RUMAH Betang terletak di Kalimantan Barat yang masih mengekalkan identitinya sehingga ke hari ini.

dilakukan di bahagian hulu kerana dalam aturan adat, rumah tidak boleh disambung pada bahagian hilir yang boleh membawa maksud mundur ke belakang,” jelas Apay Janggut.

Selain itu, ritual khusus dilakukan ketika menyiapkan bahan kayu untuk membangunkan rumah sehingga selesai pembinaannya.

Puncak ritual tersebut dinamakan piring sembilang yang dilakukan para tetuan adat.

### Kerjasama

Rumah Betang merupakan warisan turun-temurun dan hampir setiap bilik terdapat pelbagai model tempayan atau guci yang dibuat daripada tanah liat atau disebut sebagai tanjau.

Tempayan tersebut merupakan warisan daripada nenek moyang masing-masing dan ia merupakan simbol persaudaraan.

Berada sejenak di Rumah Betang Sui Utik membawa

maksud tersendiri. Penulis dapat menyaksikan 30 penghuninya hidup dalam keadaan harmoni di bawah satu bumbung dan masih berpegang teguh dengan adat.


Gotong-royong seolah-olah sudah lama tertanam dalam diri mereka sejak tiang bangunan tersebut dipasang.

Semua penghuni bermula daripada kanak-kanak sehingga warga emas, semuanya saling bantu-membantu.

Sebagai contoh, penghuni akan berbondong-bondong menyiapkan kenduri selepas seorang daripada penghuni Rumah Betang meninggal dunia.

“Jika tidak ada Rumah Betang, ibaratnya kami semua tidak ada. Hilang semua budaya kami.

“Kalau sesebuah keluarga tinggal di rumahnya sendiri, mereka akan menempuh banyak halangan. Sebaliknya, di Rumah Betang, adat tidak akan dilepaskan menjadi sejarah, begitu juga keturunan kami,” tutur Apay.



SEORANG anak suku Dayak Malang bergambar di Rumah Betang di Dusun Tambau Kecamatan Lahei Kabupaten Barito Utara, Kalimantan Tengah.

## INFORMASI

## Rumah Betang

- Merupakan kediaman untuk kaum Dayak
- Rumah Betang Sui Utik merupakan yang tertua di Kalimantan Barat
- Boleh menempatkan sehingga 300 orang penghuni
- Semua penghuni mempunyai hubungan saudara
- Dibangunkan secara gotong-royong
- Simbol budaya suku Dayak.

**Kolum *Khabar Indonesia* ini dikelola oleh:**

- N. Aulia Badar (ANTARA)
- Junhairi Alyasa (*Kosmo!*)

**Untuk memberikan respons, sila e-mel ke [kosmoantara@gmail.com](mailto:kosmoantara@gmail.com)**